

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 01/08/2007

Najib yakin Pusat Penyelidikan Tun Abdul Razak lulus

UM-1/8/2007

PUTRAJAYA 31 Julai - Kerajaan yakin pihak berkuasa tempatan Hertfordshire, England akan meluluskan pelan pembangunan Pusat Penyelidikan Tun Abdul Razak (TARRC) di Brickendonbury, England.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pelan pembangunan tersebut akan dikemukakan pada penghujung Ogos ini.

Apabila siap katanya, pusat sukan itu akan menyediakan kemudahan asrama sehingga 100 tempat kepada atlet negara daripada pelbagai jenis sukan untuk menjalani latihan dan mengambil bahagian di peringkat antarabangsa.

"Sementara menunggu pusat itu dibangunkan, Kementerian Belia dan Sukan menghantar pasukan bola sepak bawah 16 tahun untuk menjalani latihan di pusat itu dan beberapa pertandingan telah diadakan dengan pasukan di sana.

"Satu lagi pasukan bola sepak iaitu bawah 15 tahun juga akan dihantar ke sana untuk dilatih," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Sukan di sini, hari ini.

Pusat itu terletak di kawasan 16 hektar di utara London, kira-kira 24 kilometer dari tapak Perkampungan Sukan Olimpik London 2012.

Ia mengandungi bangunan pentadbiran, sebuah makmal, kuarters kakitangan, kantin, padang bola sepak, kolam renang dan gelanggang kriket.

Projek itu yang bermula selepas kelulusan dasar oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Sukan, dikritik apabila laporan awal mendakwa kompleks sukan itu akan dibina dengan kos RM490 juta.